

BANDAR KOTA BHARU LENGANG

Oleh: Siti Nur Syafiah Abd Rahman,1180381

KOTA BHARU- Keadaan Bandar Kota Bharu lengang setelah Menteri Kanan Keselamatan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan buat kali kedua berikutan kenaikan bilangan kes Covid-19, semalam.

PKPB akan dilaksanakan selama dua minggu bermula 21 November hingga 6 December 2020.

"Pelaksanaan PKPB ini bagi membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan saringan secara bersasar dan juga untuk mengurangkan pergerakan dalam kalangan komuniti di seluruh negeri ini," kata Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob.



Laluan utama ke Pusat Bandar Kota Bharu kelihatan lengang daripada kenderaan.

Jumlah keseluruhan kes yang tercatat di Kelantan sebanyak 87 kes aktif manakala, kes harian semalam ialah tujuh kes baharu ia meliputi daerah Kota Bharu, Tanah Merah, Machang dan Pasir Mas.

Kebiasaannya Pusat Bandar Kota Bharu menjadi tumpuan rakyat bila tibanya cuti minggu iaitu Jumaat dan Sabtu untuk membeli-belah, sekarang ianya sepi.

Tinjauan di beberapa tempat seperti Pasar Siti Khadijah, Parkson Mall dan Stesen Bas mendapat keadaan sangat sunyi daripada orang ramai.

Peniaga Kedai Makan, Nik Faizul Ghani Nik Mokhtar memberitahu hari pertama PKPB bandar Kota Bharu sedikit sunyi dan warga penduduk kurang keluar, ia memberi kesan terhadap perniagaannya tetapi dia lebih mementingkan arahan dari pihak berkuasa.

"Biasanya sibuklah, tengok hari ni (ini) meme (memang) sunyi banding (berbanding) dua tiga hari lepas, lengang sikit jalan" kata Zulhilmi Ismail, seorang penghantar makanan McDonald's.

Rakyat dinasihatkan supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan mengamalkan norma baharu elakkan 3S iaitu tempat yang sesak, tempat sempit dan tertutup serta bersempang dekat-dekat.